

MAHATHIR-POTONG RRRR
OLEH IDZAN ISMAIL

1982

KUALA LUMPUR, 30 JUN (BERNAMA)--KERAJAAN TELAH MEMBUAT KEPUTUBAN AKAN MEMOTONG HAMPPIR \$4 RIBU JUTA DARIPADA PERUNTUKAN BELANJAWAN NEGARA TAHUN INI, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA JUMLAH PEMOTONGAN YANG AKAN DIBUAT IALAH \$1.2 RIBU JUGA BAGI BELANJA PENGURUSAN DAN KIRA-KIRA \$2.8 JUTA BAGI PEMBANGUNAN.

KEPUTUSAN ITU DIBUAT DALAM SIDANG MINGGUAN KABINET YANG DIPENGERUSIKAN OLEH BELIAU DI PEJABAT KOMPUTER, JABATAN PERDANA MENTERI DI SINI HARI INI.

BERCAKAP SELEPAS MESYUARAT ITU DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN PEMOTONGAN ITU MELIBATKAN 12 PERATUS DARI KOS PENGURUSAN.

PENGURANGAN ITU ADALAH SELARAS DENGAN LANGKAH KERAJAAN MENJIMATKAN PERBELANJAAN MEMANDANGKAN KEMELESETAN EKONOMI DUNIA SEKARANG --BERSAMBUNG 1534/OM

B559:

MAHATHIR-POTONG 2 KUALA LUMPUR RRRR

BAGAIMANAPUN PERDANA MENTERI BERKATA ADA KEMENTERIAN YANG AKAN MENDAPAT PERUNTUKAN YANG BERTAMBAH MANAKALA ADA PULA YANG PERUNTUKANNYA TERPAKSA DI POTONG.

KATANYA ANTARA KEMENTERIAN YANG AKAN MENDAPAT PERUNTUKAN TAMBAHAN IALAH KEMENTERIAN KEWANGAN MANAKALA YANG AKAN DIPOTONG PULA IALAH KEMENTERIAN PERTAHANAN DAN KEMENTERIAN PELAJARAN.

ADALAH DIFAHAMKAN KEPUTUSAN MEMOTONG ATAU MENAMBAHKAN PERUNTUKAN SESEATU KEMENTERIAN ITU DIBUAT SETELAH KABINET MENGAJAI DENGAN TELITI PROJEK YANG PENTING YANG PERLU DILAKSANAKAN SEKARANG DAN PROJEK YANG BOLEH DITANGGUHKAN SEHINGA KEADAAN EKONOMI LEBIH CERAH.

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN 1982 BERJUMLAH \$14.632 RIBU JUTA MANAKALA PERBELANJAAN MENGURUS BERJUMLAH \$17.319 RIBU JUTA.

SEBANYAK 45.4 PERATUS DARI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN ATAU \$6.640 RIBU JUTA DIUNTUKKAN BAGI SEKTOR EKONOMI. --BERNAMA 1549/OM